

# JAWAPAN

## KERTAS MODEL UPSR I PEMAHAMAN [011]

### Bahagian A

- 1. A
- 2. B
- 3. C
- 4. B
- 5. D
- 6. D
- 7. A
- 8. B
- 9. D
- 10. B
- 11. A
- 12. B
- 13. B
- 14. C
- 15. C
- 16. C
- 17. D
- 18. B
- 19. B
- 20. B

### Bahagian B

#### Soalan 21

- (a) (i) pada  
(ii) sejak/dari  
(iii) untuk
- (b) (i) sebatang ✓  
(ii) sekeping, senaskhah ✓
- (c) Baik. Akan hamba kumpulkan semua pengawal istana sekarang.
- (d) (i) Bagai aur dengan tebing  
(ii) Seperti menatang minyak yang penuh

#### Soalan 22

(i)	Roslan belajar dengan tekunnya demi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.	x
(ii)	Orang ramai berkunjung ke pasar malam kerana terdapat pelbagai jenis barang keperluan harian dijual di pasar itu.	✓
(iii)	Sebahagian besar penduduk-penduduk di kampung itu bekerja sebagai pesawah dan pekebun.	x
(iv)	Pulau Langkawi ialah pulau bebas cukai yang terkenal di negara kita.	✓
(v)	Abang Ikhmal bekerja sebagai cef di Selera Restoran semenjak lima tahun yang lalu.	x

#### Soalan 23

- (i) bertahun-tahun
- (ii) enak
- (iii) apabila
- (iv) ribuan

#### Soalan 24

- (a) (i) potong bawang merah, bawang putih, dan cili  
(ii) masukkan garam dan santan, kacau hingga mendidih
- (b) Pucuk ubi kayu perlu dicelur sebelum dimasak bersama-sama dengan bawang merah, bawang putih, cili, dan santan untuk memastikan pucuk ubi kayu itu lebih lembut dan enak dimakan.

- (c) Pada pendapat saya, untuk memastikan gulai lemak pucuk ubi kayu yang disediakan disukai para pengunjung, pengusaha kedai makan boleh menambahkan perisa tambahan seperti ikan bilis dan udang. Selain itu, mereka juga perlu menggunakan santan yang pekat untuk mengekalkan rasa lemak yang mencukupi pada hidangan gulai lemak pucuk ubi kayu tersebut.

#### Soalan 25

- (a) Bahan yang tidak menggunakan sukatan tertentu untuk memasak nasi goreng kampung ialah sayur kangkung.
- (b) Jika tiada lesung batu untuk melumatkan bahan-bahan tersebut, peralatan lain yang sesuai digunakan untuk menggantikannya ialah mesin pengisar dan pisau.
- (c) Bahan yang boleh ditambah supaya hidangan nasi goreng yang disediakan dapat membuka selera kita untuk menikmati nasi goreng tersebut ialah bawang goreng, hirisani cili besar, dan hirisani timun.

## PENULISAN [012]

### Bahagian A

- 1. Pengguna jalan raya perlulah mematuhi peraturan jalan raya untuk menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya.
- 2. Kita hendaklah menggunakan lintasan belang atau jejantas supaya kita dapat melintas jalan dengan selamatnya.
- 3. Penunggang motosikal mestilah memakai topi keledar untuk melindungi kepala mereka daripada cedera jika berlaku kemalangan.
- 4. Pemandu kenderaan hendaklah memberhentikan kenderaan mereka apabila lampu isyarat berwarna merah kerana tindakan melanggar lampu isyarat dapat mengundang bahaya.
- 5. Pejalan kaki perlulah menggunakan laluan pejalan kaki yang disediakan untuk mengelakkan kemalangan.

### Bahagian B

Poster tersebut menunjukkan cara-cara memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.

Antara cara untuk memupuk semangat kejiranan termasuklah kita perlulah mempunyai sikap saling menghormati antara satu dengan yang lain. Selain itu, kita mestilah bersepakat ketika menjalankan pelbagai urusan kerana jiran sepakat membawa berkat. Seterusnya, kita hendaklah kunjung-mengunjungi terutamanya pada musim perayaan agar hubungan dengan jiran-jiran kita semakin erat. Akhir sekali, kita haruslah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan kediaman. Dengan cara ini, kita dapat melakukan pelbagai kerja sambil berbual-bual dengan jiran-jiran kita.

Kesimpulannya, kita perlulah mengambil inisiatif untuk memupuk semangat kejiranan kerana semangat kejiranan penting dalam kehidupan.

### Bahagian C

#### Soalan 1

##### Pendahuluan

kata alu-aluan kepada hadirin – ucapan selamat – menyatakan tajuk syarahan – murid-murid digalakkan menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah – boleh menyertai aktiviti badan beruniform, kelab dan persatuan, serta sukan dan permainan – banyak faedah jika menyertainya

##### Isi-isi Penting

- (a) murid-murid dapat mengisi masa lapang dengan sebaik-baiknya – tidak terlibat dengan kegiatan yang tidak berfaedah seperti melepak dan bermain permainan video di kafe siber

- (b) murid-murid melatih diri menjadi seorang pemimpin – diberi tanggungjawab untuk memegang pelbagai jawatan – pengurus, setiausaha, bendahari, dan ahli jawatankuasa
- (c) perpaduan antara murid yang berbilang bangsa di sekolah dapat dikukuhkan melalui aktiviti kokurikulum – dapat bergaul dengan mesranya dalam aktiviti persatuan dan kelab
- (d) melahirkan murid-murid yang sihat tubuh badan – menyertai pelbagai pertandingan sukan seperti bola sepak, badminton, bola jaring, dan sebagainya – sentiasa cergas dan cerdas

#### Penutup

kesimpulannya, setiap murid di sekolah perlu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang banyak memberikan faedah kepada mereka – tidak melepaskan peluang tersebut begitu sahaja

#### Soalan 2

##### Pendahuluan

berkelah di kawasan air terjun bersama-sama dengan anggota keluarga – berkelah di Lata Bayu, Baling, Kedah – detik yang sangat berharga kerana dapat meluangkan masa dengan keluarga

##### Isi-isi Penting

- (a) bertolak dari rumah pada pukul 10:00 pagi – tiba di Lata Bayu pada pukul 11:00 pagi – berasa teruja kerana pemandangan di kawasan air terjun itu indah nian – menghijau
- (b) menghamparkan tikar mengkuang di bawah pohon ru yang rendang – menyusun bekalan makanan yang dibawa dari rumah
- (c) menukar pakaian kerana berasa tidak sabar hendak mandi – air terjun itu sangat jernih – terjun ke dalam air – airnya sangat dingin – menggigil kesejukan
- (d) menikmati hidangan yang dibawa selesa puas mandimanda – sangat berselera – merakamkan gambar bersama-sama dengan anggota keluarga – detik yang sangat berharga

#### Penutup

bersiap-siap untuk pulang ke rumah setelah hari menjelang petang – membersihkan tapak perkelahan – menjaga kebersihan tanggungjawab semua pengunjung – berasa puas dan gembira

## KERTAS MODEL UPSR 2

### PEMAHAMAN [011]

#### Bahagian A

1. D
2. A
3. B
4. B
5. A
6. C
7. C
8. C
9. A
10. C
11. B
12. B
13. B
14. B
15. D
16. B
17. A
18. D
19. C
20. D

#### Soalan 21

- (a) (i) berbagai-bagai  
(ii) berpuluhan-puluhan  
(iii) Para
- (b) (i) kepada ✓  
(ii) dari, pada ✓

- (c) Baiklah, cikgu. Akan saya serahkan laporan itu kepada beliau sekarang.
- (d) (i) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunung  
(ii) Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa

#### Soalan 22

(i)	Oleh kerana kesilapannya, dia telah digugurkan daripada senarai pemain pasukan bola sepak sekolah.	x
(ii)	Murid-murid pergi ke perpustakaan kerana terdapat pelbagai jenis bahan bacaan disediakan untuk kegunaan murid-murid.	✓
(iii)	Mereka mengadakan latihan drama itu sejak satu setengah jam yang lalu.	x
(iv)	Najwa diumumkan sebagai peserta terbaik dalam pertandingan berbalas pantun di sekolahnya.	✓
(v)	Peserta-peserta pertandingan reka cipta anjuran Kelab Sains itu hebat-hebat belaka.	x

#### Soalan 23

- (i) beliau
- (ii) berusaha
- (iii) bahawa
- (iv) kepada

#### Soalan 24

- (a) (i) Pertandingan mewarna (kategori kanak-kanak)  
(ii) Pertandingan membuat arca daripada bahan terpakai (kategori dewasa)
- (b) Para peserta perlu mendaftarkan diri di meja pertandingan 30 minit sebelum acara bermula supaya perancangan masa tidak terjejas dan program Hari Keluarga dapat dijalankan dengan lancarnya.
- (c) Pada pendapat saya, untuk menarik minat penduduk menyertai Karnival Hari Keluarga Taman Muhibah, pengajur karnival tersebut perlu menghebahkan karnival tersebut melalui pelbagai cara seperti pengumuman dan pemasangan kain rentang. Selain itu, pengajur juga boleh menawarkan hadiah yang menarik atau cabutan bertuah akan diberikan kepada penduduk yang bernasib baik.

#### Soalan 25

- (a) Harapan Rohaya kepada Fatimah dalam permulaan e-melnya ialah dia berharap agar Fatimah dan keluarganya sihat selalu.
- (b) Jika para pemancing hendak menjaga keselamatan ketika mereka memancing di laut, langkah keselamatan yang perlu diambil berat sebelum mereka turun ke laut ialah mereka perlu memastikan keadaan bot mereka selamat untuk digunakan. Selain itu, mereka perlu memeriksa enjin bot dan bot gentian untuk memastikannya berada dalam keadaan yang baik.
- (c) Selain langkah keselamatan yang dinyatakan dalam petikan, langkah keselamatan lain yang perlu diambil berat oleh para pemancing sebelum turun ke laut untuk menjaga keselamatan mereka ialah mereka perlu memastikan cuaca berada dalam keadaan yang baik. Mereka tidak boleh turun ke laut sekiranya cuaca tidak baik dan laut bergelora.

## PENULISAN [012]

#### Bahagian A

1. Penduduk di kawasan perumahan itu sentiasa sihat kerana mereka berjoging pada setiap petang.
2. Hubungan anggota masyarakat di situ sentiasa muhibah kerana mereka saling bertegur sapa.
3. Hubungan kekeluargaan di situ sentiasa erat dan penuh kasih sayang apabila cucu melayan datuk dan neneknya dengan baiknya.

4. Penduduk di situ tidak mengalami stres kerana dapat beriadah di kawasan yang bersih dan indah.
5. Beberapa orang penduduk menghargai masa dengan melakukan aktiviti yang berfaedah seperti melukis dan membaca buku.

### Bahagian B

Murid digalakkan mengambil sarapan pada setiap pagi. Sarapan itu perlulah makanan yang berkhasiat.

Murid akan sentiasa sihat jika mengambil makanan yang seimbang. Murid digalakkan minum susu pada setiap pagi. Susu penuh dengan nutrien. Badan murid memerlukan nutrien untuk beroperasi dengan baiknya. Oleh itu, murid akan cergas. Selain itu, murid juga perlu makan makanan yang berkhasiat. Jika murid bersarapan dengan kek pisang, otak murid akan cerdas. Pisang mengandungi karbohidrat yang dapat merangsang sel-sel otak. Oleh itu, otak sentiasa bergeliga. Seterusnya, jika murid makan kismis pada setiap pagi, murid tidak mudah lupa. Selain itu, kismis dapat menguatkan daya ingatan dan mencerahkan mata.

Kesimpulannya, murid-murid haruslah mengambil makanan yang berkhasiat pada setiap hari.

### Bahagian C

#### Soalan 1

##### Pendahuluan

ibu dan ayah sangat berjasa kepada kita – jasa dan pengorbanan mereka amat bernilai – kita perlu menghormati mereka yang telah bersusah payah membesarakan kita

##### Isi-isi Penting

- (a) sentiasa berbudi bahasa ketika berhadapan dengan mereka
  - tidak meninggikan suara ketika bercakap dengan mereka
  - menjaga tutur kata agar tidak menyakitkan hati mereka
- (b) sentiasa mendengar nasihat mereka – ibu bapa mahu anak-anaknya berjaya dalam kehidupan – mereka lebih berpengalaman dalam hidup

- (c) sentiasa menjaga tingkah laku untuk menjaga nama baik mereka – patuh akan ajaran agama – menjadi anak yang baik dan mendengar kata
- (d) tekun belajar dan berusaha dengan gigihnya untuk menjadi insan yang berilmu – mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan – menggembirakan hati mereka

##### Penutup

menghormati ibu bapa merupakan tanggungjawab utama anak-anak – kita perlu berbuat demikian sementara ibu bapa masih ada – mereka akan berasa dihargai dan disayangi

#### Soalan 2

##### Pendahuluan

ucapan alu-aluan kepada hadirin yang menghadiri program tersebut – ucapan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap

##### Isi-isi Penting

- (a) kebersihan amat penting – kebersihan asas kesihatan – kawasan sekolah yang bersih amat penting kepada murid
- (b) kebersihan sekolah perlu dijaga – mewujudkan suasana yang selesa – begitu seronok untuk belajar di sekolah – terhindar daripada penyakit
- (c) menjaga kebersihan kawasan sekolah merupakan tanggungjawab bersama – semua murid perlu mematuhi peraturan – tidak membuang sampah dengan sesuka hati – menyertai program kebersihan yang dijalankan di sekolah
- (d) kempen kebersihan perlu dilakukan dari semasa ke semasa – pertandingan kelas terbersih – memberikan kesedaran dan galakan kepada murid

##### Penutup

harapan – menyeru semua murid agar mengutamakan kebersihan sekolah pada setiap masa – kebersihan kawasan sekolah perlu dipelihara dan dikekalkan – untuk kebaikan semua